

# 'Pertarungan' dua seni mempertahankan diri

31 JUL 1981

APABILA dua jenis seni mempertahankan diri yang berlainan dilagakan dalam satu pertarungan, apakah yang terjadi? Jawabnya, satu perlawanan yang lebih menarik dan lebih mencemaskan.

Inilah yang berlaku dalam beberapa pertunjukan seni mempertahankan diri di Stadium Gay World baru-baru ini.

Beberapa orang peserta seni mempertahankan diri seperti karate dan tae-kwon-do telah beradu kekuatan dengan peserta-peserta seni silat, seperti silat gayung, kuning dan esha.

## Julung2 kali

Tepukan gemuruh dari kira-kira 10,000 penonton yang penuh sesak di stadium itu menunjukkan bahawa mereka begitu tertarik dengan persembahan tersebut yang julung-julung kali diadakan di Singapura dan malahan difahamkan di seluruh Asia Tenggara.

Salah seorang peserta, Encik Mohammad bin Mustafa, berkata, beliau telah mengadakan senaman pernafasan selama dua minggu sebagai persiapan untuk mengambil bahagian dalam pertunjukan itu.

## Permainan

Encik Mohammad, 24 tahun, ialah seorang pemain silat kuning dari Himpunan Queenstown dan telah beradu tenaga dengan Encik Chua Boon Teck dari Persatuan Karate Shitoryu.

Beliau telah menunjukkan persembahan yang menarik dengan langkah-langkah yang tangkas tetapi tetap mengandungi gerakan-gerakan asas silatnya.

Beliau menerangkan, sementara permainan karate banyak menggunakan kaki, permainan silat pula lebih banyak menggunakan tangan. Mengetahui akan ciri permainan karate, beliau telah mempelajari taktik untuk menghadapi lawannya dan

*PENCAK SILAT*  
mengamalkan taktik 'tangkap' untuk menumbangkan lawannya.

Seorang pemuda yang telah enam tahun bergiat dalam seni silat, Encik Mohammad merasa bahawa menyalinkan dua jenis seni mempertahankan diri dalam satu pertarungan, adalah satu perkembangan yang baik kerana peserta boleh mempelajari kelemahan dan kelebihan seni masing-masing.

## Amalkan

Seorang lagi peserta, Cik Norwina binti Haji Mahamod, 22 tahun, yang merupakan satu-satunya peserta silat wanita Melayu, telah bertarung dengan Cik Wong Liang Ming dari Persekutuan Tae-kwon-do Singapura.

Menurutnya beliau telah beberapa kali berlatih dengan suaminya, yang

juga seorang pemain silat di Stadium Badminton dan juga di belakang rumahnya, untuk melengkapkan diri bagi pertunjukan itu.

Cik Norwina berpendapat, jika pemain-pemain silat di sini dapat berlatih dengan menggunakan peralatan-peralatan tertentu dan tidak banyak bergantung kepada lawannya, mereka boleh menunjukkan permainan yang lebih baik atau berbagai-bagai.

Dengan ini, mereka tidak akan menghadapi kesukaran bila berhadapan dengan lawannya yang mengamalkan seni mempertahankan diri yang lain dari silat.

Telah bermain silat selama tujuh tahun, Cik Norwina dari Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), telah menunjukkan permainannya malam tadi.